

TOK DALANG HUSSIN YUSOFF TOKOH PEDALANGAN WAYANG KULIT KELANTAN

MOHD KAMRULBAHRI HUSSIN
Universiti Teknologi Mara
Kamrulbahri60@uitm.edu.my

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF
Universiti Kebangsaan Malaysia
yuszaidy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini mengenai Tok Dalang Hussin Yusoff, seorang dalang wayang kulit yang dahulu amat bergiat aktif dan terunggul dalam dunia pewayangan kulit. Beliau mempunyai kemahiran yang tiada tolok bandingnya dalam dunia persembahan seni dan wayang kulit. Beliau juga mempunyai kemahiran membuat dan bermain semua alat muzik dalam ensemبل wayang kulit Kelantan seperti gendang, gedombak, gong dan serunai dan kemahiran menghasilkan patung wayang. Objektif kajian ini ingin merungkai kemahiran dan kebolehan yang dimiliki oleh beliau dalam bidang perdalangan wayang kulit. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian lapangan dan kajian kepustakaan. Kajian lapangan terdiri daripada pemerhatian ikut serta dan temu bual separa strukur. Kajian temu bual separa struktur dilakukan ke atas beberapa tok dalang yang masih ada dan aktif dalam perdalangan wayang kulit. Kajian ini juga menggunakan analisis tematik dan analisis kandungan untuk memperolehi data yang betul. Hasil penemuan mendapati bahawa bakat yang ada, rajin, sentiasa berusaha, sikap ingin mengetahui sesuatu dan sentiasa melakukan latihan dapat melahirkan seorang tokoh pedalangan berkemahiran tinggi dan unggul. Hasil kajian mendapati Tok Dalang Hussin Yusoff merupakan seorang dalang yang berjaya dan memiliki kemahiran tinggi dalam bidang perwayang kulit. Justeru itu, kemahiran yang dimiliki oleh Tok Dalang Hussin Yusoff boleh dijadikan sebagai tanda aras untuk melahirkan seorang dalang berkemahiran tinggi dan unggul.

Kata kunci: Hussin Yusoff; muzik; persembahan seni; tok dalang; wayang kulit

ABSTRACT

PROMINENT FIGURE IN KELANTAN SHADOW PUPPET PLAY: MASTER PUPPETEER HUSSIN YUSOFF

This study centers on the late master puppeteer Hussin Yusoff, a shadow puppet play puppeteer who was very active and renowned for his incomparable skills in the performing arts scene and the world of shadow puppet playing. Hussin was not only skilled in making and playing all the musical instruments in the Kelantan shadow puppet play ensemble, but also in the making of the shadow puppets itself. The objective of this study is to unravel his skills and abilities in the field of shadow puppet play using a qualitative approach through field work and library study. Fieldwork comprises of participant observation and semi-structured interviews with several existing master puppeteers who are currently active in shadow puppet playing. Data are obtained using both a thematic and content analysis. Results of the study reveal that talent, diligence, persistence, being inquisitive and constant practice result in a superior and highly skilled master puppeteer. Results also find master puppeteer Hussin Yusoff to have been a successful and highly skilled shadow puppet puppeteer and a benchmark for producing future highly skilled and successful puppeteers.

Keywords: Hussin Yusoff; music; performing arts; tok dalang; shadow puppet

PENGENALAN

Negeri Kelantan terkenal dengan pelbagai persembahan dengan salah satu persembahan wayang kulit. Pada peringkat awal, persembahan ini sering dimainkan oleh masyarakat desa bagi memperolehi hiburan. Bagi masyarakat Kelantan yang mendiami kawasan desa atau kampung, mereka mempunyai masa lapang di waktu petang sehingga waktu tidur. Oleh itu, penggisian waktu senggang yang agak lama telah menggalakkan khalayak mereka bergerak aktif pada waktu itu. Persembahan wayang kulit bukan hanya terhad kepada persembahan membabitkan upacara ritual tetapi berfungsi sebagai hiburan kepada masyarakat. Masyarakat tani memerlukan alat hiburan semasa waktu senggang bagi menghilangkan keletihan setelah bekerja kuat membanting tulang di sawah padi. Persembahan wayang kulit juga telah menarik golongan kanak-kanak turut berhibur pada waktu malam sehingga dapat memberi semangat daripada kalangan mereka untuk memperlajarinya. Oleh itu, golongan ini yang menjadi pelapis kepada persembahan wayang kulit dari segi dalang dan pemuziknya (Mohd. Yuszaidy, Hanapi dan Ab. Samad 2011).

Hubungan ini telah melahirkan bakat-bakat baharu dalam persembahan wayang kulit. Bakat-bakat yang timbul daripada golongan kanak-kanak telah menjadi kelangsungan perkembangan persembahan wayang kulit. Masyarakat dewasa di kampung sering memberi peluang dan galakan kepada golongan kanak-kanak untuk mempelajari persembahan atau permainan. Mereka sentiasa mengikut persembahan dengan cara mendengar dan menonton secara langsung. Keadaan ini telah menarik minat kanak-kanak dan lebih dekat dengan jiwa mereka. Situasi ini juga menimbulkan minat dalam kalangan mereka untuk menguasai dan mempelajari persembahan yang berlingkar dalam kehidupan sehari-hari. Kehidupan persekitaran dan lingkungan masyarakat yang memerlukan hiburan telah melahirkan bakat-bakat pelapis kepada persembahan yang sedia ada. Proses melihat, memerhati, mendengar dan mempraktikan secara tidak formal itu telah membantu individu yang berminat dari kecil sehingga dewasa untuk menguasai seni persembahan wayang kulit. Proses ini memerlukan masa khususnya untuk membentuk kemahiran yang tinggi dan menjadi peneraju kepada permainan yang dikuasai itu.

Kemahiran yang diperolehi membolehkan seseorang penggiat seni bergiat aktif dalam dunia kesenimanannya. Mereka bergerak sebagai penggiat seni yang menjadikan persembahan wayang kulit sebagai satu minat atau hobi untuk sara diri. Perubahan zaman dalam dunia permainan tradisional Melayu telah banyak berubah akibat kemunculan banyak persaingan media hiburan baru, namun begitu masih terdapat pengekalan permainan tradisional yang memberi kepuasan seperti tradisi yang asal. Penerusan permainan tradisional ini sangat penting kepada masyarakat dalam memastikan kesinambungan warisan dan jati diri dan insan yang berbakat sebagai pewaris (Mohd Yuszaidy dan Muammar Ghaddafi 2015).

Proses pembelajaran seni dengan masyarakat berbudaya ini juga telah melahirkan seorang insan kecil yang berjiwa besar terhadap permainan tradisional yang diminati dan akhirnya menjadi tokoh penerus tradisi dalam memastikan pewarisan tradisi tidak pupus ditelan zaman (Mohd Yuszaidy, Hanapi, Ab Samad 2013). Selain itu, proses ini secara langsung dan tidak langsung memberi kepentingan kepada masyarakat dan diri penggiat seni itu sendiri sebagai panduan dalam melayari bahtera kehidupan yang penuh cabaran. Ilmu kehidupan berseni yang diperolehi dari masyarakat dan akhirnya dipulangkan juga kepada masyarakat. Oleh itu, penulisan ini bertujuan mengangkat dan mempertengahkan individu untuk dijadikan sebagai tokoh wayang kulit Kelantan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah ini terdiri daripada dua kaedah pengumpulan data iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian perpustakaan dilakukan dalam usaha mengumpul bahan berkaitan biografi tentang tokoh budaya. Bahan-bahan penulisan yang terdiri daripada buku, jurnal, laporan dan kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh sarjana terdahulu akan digunakan bagi menjelaskan konsep biografi yang digunakan sebagai kerangka konsep bagi kajian ini. Selain daripada buku-buku ilmiah, disertasi dan tesis, maklumat berkaitan tajuk kajian yang diperolehi daripada bahan lain seperti majalah, artikel, surat khabar ataupun dalam bentuk media elektronik seperti audio kompak disk (CD) dan video Kompaq Disk (VCD) atau Digital Video Disk (DVD) turut digunakan. Pengumpulan data dan pemahaman tentang isu yang hendak dikaji adalah amat penting bagi memastikan sesuatu kajian bertepatan dengan teori atau konsep yang bersesuaian dengan bidang kajian.

Kajian lapangan melalui kaedah pemerhatian dilakukan oleh penulis sejak tahun 2012 iaitu penulis terlibat secara langsung dalam satu program pelancaran Sanggar Budaya Geng Wak Long di Kampung Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan. Pemerhatian terhadap tokoh dalam melakukan persembahan Wayang Kulit telah dilakukan sebanyak dua kali iaitu pada 15 haribulan Jun 2013 di Lanai Budaya Kuala Lumpur, Jalan Tengku Abdul Rahman di Kuala Lumpur dan persembahan pada 28 Disember 2013 di Sanggar Budaya Geng Wak Long Kampung Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan. Kaedah temu bual juga digunakan terhadap tokoh dan mereka yang terbabit dalam persembahan wayang kulit Kelantan. Kaedah temu bual ini dilakukan secara tidak berstruktur. Maklumat dirakam dengan menggunakan peralatan audio jenama Roland R26. Alat ini digunakan dalam membantu proses rakaman sama ada rakaman suara ataupun rakaman audio muzik dan gaya pedalangan semasa persembahan dilakukan oleh tokoh yang hendak dikaji. Peralatan rakaman dalam bentuk gambar dan video juga digunakan bagi mendapatkan maklumat. Kamera digital berjenama Canon G11 digunakan untuk mendapatkan gambaran secara gambar tetap (*Still foto*) dan Panasonik HD secara gambar bergerak (*Video*)

KAJIAN LEPAS

Kajian berkenaan tokoh-tokoh telah banyak dibuat oleh pelbagai pihak. Misalnya Ghulam Sarwar Yousof (1997), menjelaskan tentang bagaimana seorang tokoh Wayang Kulit Kelantan iaitu Arwah Hamzah Awang Amat yang memperjuangkan kesenian bangsa agar tidak pupus ditelan zaman dengan perkongsian bakat seni yang ada dalam diri serta angin atau jiwa yang dimiliki oleh Arwah Pak Hamzah Awang Amat sehingga beliau menjadi seorang Tok Dalang yang tersohor sehingga mendapat pelbagai anugerah dan pengiktirafan nasional dan antarabangsa.

Selain itu, Zainal Jaslan (2003) membincangkan tentang lima orang tokoh yang telah di nobatkan sebagai seniman negara Malaysia iaitu Hamzah Awang Amat dalam bidang Wayang Kulit Kelantan, Syed Ahmad Jamal dalam bidang Seni Tampak, Wan Su Othman dalam bidang seni ukiran, Khatijah Awang dalam bidang Makyung dan Syed Alwi Hassan dalam bidang teater. Perbincangan dalam bentuk siri yang bertujuan untuk memperkenal dan mendekatkan masyarakat kepada tokoh seni negara dengan memperlihatkan sumbangan tokoh kepada negara, falsafah hidup dan aspek “world view” yang boleh dikongsi dengan masyarakat.

Sohaimi Abdul Aziz (2008) pula telah mengkaji seorang budayawan iaitu Mohamed Bahroodin Ahmad, seorang tokoh budaya dalam bidang seni persembahan seperti boria, bangsawan, tarian, lakonan dan beberapa sisi budaya yang lain di Pulau Pinang. Buku biografi yang bertajuk *Sanggar Budaya: Biografi Mohamed Bahroodin Ahmad* ini diterbitkan oleh Persatuan Karyawan Pulau Pinang dapat memberi satu pencerahan tentang keunikan budayawan terkenal Pulau Pinang dari segi peranan dan sumbangannya sehingga beliau diangkat sebagai Sanggar Budaya dan menjadi sumber rujukan untuk pengkaji budaya serta contoh kepada masyarakat terutama generasi baru dalam mengenal budaya Bangsawan melalui fasa kehidupan tokoh yang dikaji.

Ghouse Nasuruddin (2005) pula memperkatakan tentang seorang tokoh seni yang bergiat aktif dalam bidang *playwright* dan pengarah luar biasa yang karya dramatiknya telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan drama Melayu moden dari tahun 1960 hingga 2000. Buku ini juga ditulis sebagai menandakan penganugerahan Anugerah Seni Negara kepada Syed Alwi dan diangkat sebagai Seniman Negara Malaysia.

Seterusnya Mohd. Zamberi A. Malek (2007) memperkatakan tentang seorang tokoh seniman dan tokoh filem Melayu yang tersohor tanah air menjangkau durasi tempoh lebih 50 tahun sebagai karyawan filem yang berpengalaman luas. Biografi berkenaan juga mengisahkan tentang bagaimana seniman ini mengharungi zaman kepayahan dalam pengkaryaan yang memerlukan usaha yang gigih bagi mencari perubahan, cabaran dan kemajuan seterusnya menjadikan beliau seorang yang amat berjaya dalam lakonan sehingga ke peringkat antarabangsa apabila beliau dapat berlakon di studio Jalan Ampas sehingga ke studio Hong Kong. Selain itu, perkongsian pengalaman hidup sebagai insan seni yang serba boleh dalam bidang perfilman Melayu, pendidikan dan politik turut dibincangkan.

Noraza Hj Abdul Aziz (2004) pula menulis mengenai seorang primadona dalam teater bangsawan Melayu dan tokoh Bangsawan iaitu Aminah Nani yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang teater tradisional Melayu Bangsawan di Malaysia. Bakat-bakat yang terserlah telah menonjolkan diri Aminah Nani sebagai seorang tokoh bangsawan yang telah memberi jasa dan sumbangan kepada masyarakat terutama melalui hasil karya yang telah dipamerkan semasa beliau menjadi seorang seri panggung. Bakat dan dibantu oleh rupa luaran membantu Aminah Nani menjadi kegilaan ramai sebagai pelakon, penyanyi dan penari serta salah seorang seri panggung dalam pementasan teater bangsawan.

Selain itu, Zakaria Ariffin (2005) telah memperkatakan mengenai sejarah hidup “anak-anak wayang” Seniman Negara Rahman B dalam dunia bangsawan sejak di awal usia sehingga kepada kemuncak perjalanan karier beliau, jatuh bangun dunia bangsawan sehingga beliau dinobat sebagai Seniman Negara Malaysia. Rahman B diangkat sebagai tokoh bangsawan yang serba

boleh dalam segala aspek persembahan teater tradisional bangsawan dari segi adat istiadat dalam bangsawan, penceritaan, lakonan, muzik, nyanyian, props, kostum dan pengucapan. Beliau juga pernah menjadi orang muda dalam persembahan dan juga sebagai pengarah dalam banyak teater bangsawan yang dipentaskan di Malaysia.

Secara kesimpulannya, kajian sebelum ini telah memperjelaskan dan membincang terhadap tokoh-tokoh persembahan Melayu dalam memberi sumbangan terhadap pembangunan industri kreatif negara. Usaha kajian ini adalah bertujuan untuk menghasilkan satu bahan dokumen untuk dijadikan satu platform untuk mengangkat tokoh yang diberikan tumpuan. Berdasarkan kepada kajian lepas belum ada lagi kajian mengenai Hussin Yusoff atau lebih dikenali sebagai Pok Seng yang telah mengabdikan dirinya dalam dunia wayang kulit Kelantan. Ketiadaan kajian mengenai tokoh itu telah memberi idea untuk mengkaji supaya tokoh ini berada sebaris dengan tokoh wayang kulit Kelantan sebelum ini iaitu Awang Lah, Hamzah Awang Amat, Dollah Baju Merah, Jusoh Hasan dan Sulaiman Padang Tembesu (Temu bual: Hussin bin Yusoff, 2013).

KONSEP BIOGRAFI

Penggunaan konsep kajian ini lebih cenderung kepada konsep biografi tokoh seni yang masih hidup dalam bidang seni budaya. Kajian tokoh ini difokuskan pada seorang tokoh seni dalam permainan Wayang Kulit Kelantan sebagai seorang tokoh Wayang Kulit Kelantan iaitu Pok Seng yang boleh dianggap sebagai seorang insan kecil berjiwa besar.

Biografi berasal daripada perkataan dalam bahasa Yunani iaitu *Bios* yang mana memberi pengertian ‘hidup’ dan *Graphien* pula membawa maksud ‘tulis’. Secara ringkasnya biografi memberi maksud sebuah tulisan tentang riwayat kehidupan seseorang ataupun kisah hidup seseorang. Penulisan biografi ditulis oleh orang lain berdasarkan hasil daripada kajian pada rujukan dan temu bual orang yang dianggap mengenali tokoh (Arena Wati 2006). Biografi juga ditulis bagi mengembangkan kerumitan dan penonjolan perbezaan perwatakan dalam menyelami perasaan dan peristiwa lain yang membawa pelbagai makna ataupun pengajaran kepada seseorang dan masyarakatnya.

Menurut Talib Samat (2008) dalam penyelidikannya yang bertajuk “Biografi Lapan Orang Pemegang Gelaran Tengku Menteri (Perak) daripada Keturunan Tengku Menteri Ngah Ibrahim Sejak Abad Ke: 19 hingga Tahun 2006” telah menyatakan bahawa pendekatan Biografi bermaksud:

“Penulisan biografi atau riwayat hidup seseorang tokoh itu ditulis oleh orang lain mengikut kronologi atau perkembangan riwayat hidupnya dari satu fasa kehidupan ke satu fasa kehidupan yang lain. Penelitian kajian menggunakan pendekatan ini bererti seseorang pengkaji memfokuskan perkembangan hidup seseorang tokoh besar atau kecil berdasarkan pelbagai sumber rujukan sama ada sumber pertama seperti mewawancara tokoh itu sendiri atau waris-waris keturunan dan sahabat handainya yang masih hidup. Manakala penggunaan sumber kedua bererti meneliti surat-surat peribadi, koleksi ucapannya mahupun artikel-artikel surat khabar, majalah, buku, mikrofilem dan sebagainya yang boleh memberi maklumat tentang tokoh tersebut untuk menguatkan lagi pentafsiran dan penulisan biografi tokoh tersebut”

Menurut Austin Warren dan Rene Wellek (1995), penulisan biografi membolehkan mempelajari hidup pengarang yang genius dalam menelusuri perkembangan moral, mental dan keintelektualan yang pasti menarik dan dapat dinikmati. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa ia juga sebagai studi yang sistematik tentang psikologi pengarang dan proses kreatif. Tiga sudut pandangan yang diutarakan oleh mereka berdua iaitu pertama sebagai bahan untuk ilmu pengetahuan atau psikologi penciptaan artistik. Kedua, mengalihkan pusat perhatian daripada

karya ke peribadi pengarang dan yang ketiga iaitu penulisan biografi yang menggangap bahawa biografi menerangkan dan menjelaskan proses penciptaan karya sastera yang sebenarnya.

Ramlah Adam (1998) dalam tulisan Talib Samat (2008) telah menyarankan kepada para penulis biografi perlulah memilih tokoh yang bersesuaian dengan terbukti jasanya kepada pembangunan budaya, bangsa dan Negara serta bersedia bagi melakukan wawancara, penyelidikan yang memakan masa bertahun-tahun bagi mendapatkan fakta sebenar disamping sanggup menanggung risiko apabila sesuatu buku atau bahan itu diterbitkan. Dengan kata lain, Ramlah Adam menegaskan bahawa kepada sesiapa yang ingin membuat penulisan biografi mereka perlu menyiapkan diri dengan segala ilmu dan persiapan yang berkaitan sebelum sesebuah pemilihan dalam penulisan biografi diputuskan.

Kesimpulannya penulisan biografi ini amat tepat dilakukan dengan penggunaan sumber pertama iaitu dengan mewawancara tokoh dan masyarakat di sekeliling tokoh termasuklah keluarga dan sumber kedua iaitu hasil karya tokoh sendiri seperti persembahan tradisional yang dipersembahkan seterusnya dapat mempelajari kehidupan tokoh hidup yang genius dalam menelusuri perkembangan moral, mental dan intelektualannya. Selain itu, pemilihan tokoh Hussin bin Yusoff juga amat bersesuaian dan tepat dipilih kerana telah terbukti jasanya dalam pembangunan kesenian tradisional Wayang Kulit Kelantan memandangkan pengkaji juga pernah mendapat tunjuk ajar dan telah mengikuti perkembangan tokoh lebih kurang 25 tahun dan sudah bersedia dalam mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu dalam penulisan biografi ini seperti yang diutarakan oleh Talib Samat (2008), Austin Warren dan Rene Wellek (1995) serta Ramlah Adam (1998).

KONSEP DALANG POK SENG

Analisis data yang diambil secara terperinci ditumpukan kepada kaedah pewayang Pok Seng dalam bahagian Dalang Muda. Secara tradisinya bahagian Dalang Muda membawa erti sebagai seorang Tok Dalang yang membuat persembahan pada bahagian awalan ataupun bahagian pertama dalam permainan wayang kulit Kelantan. Dalang Muda juga tidak semestinya orang yang berumur muda, namun terdapat juga Tok Dalang Muda yang sudah berumur dan sudah bertauliah sebagai Tok Dalang Tua. Kebiasaannya Dalang Muda akan dimainkan oleh seorang dalang yang dijemput oleh Tok Dalang Utama sama ada dalam kalangan anak muridnya, ahli muzik dan sahabat-sahabat Dalang yang lain.

Bahagian Dalang Muda sangat penting dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan disebabkan bahagian ini terdapat asas-asas lagu yang bakal dimainkan dalam bahagian Dalang Tua nanti dan ia juga boleh dikatakan sebagai bahagian pemanasan bagi pemuzik. Lagu-lagu dalam bahagian ini masih boleh disusun atur manakala pada bahagian Tok Dalang atau bahagian Dalang Tua sudah tidak boleh disusun atur kerana lagu-lagunya dimainkan mengikut jalan cerita dan arahan Dalang secara spontan. Oleh yang demikian, para pemuzik perlu tahu dan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap jalan cerita dan arahan atau Ucatan Tok Dalang bagi memainkan sesebuah lagu.

Tempo bagi setiap lagu di dalam permainan wayang Kulit Kelantan tidak dapat ditetapkan, ini kerana setiap lagu yang dimainkan perlu mengikut arahan melalui tempo Ucatan dan arahan muzik oleh Tok Dalang melalui ketukan sejenis alatan yang diberi nama Kayu Pemetik ataupun Kayu Kesah yang diletakkan di bawah paha Tok Dalang. Pok Seng juga membuat Kayu Pemetik sendiri iaitu sejenis kayu yang dijadikan sebagai kesan bunyi bagi adegan-adegan peperangan, kesan bunyi tumbukan dan sebagai arahan untuk mula dan tamat sesebuah lagu.

Pok Seng menjelaskan salah satu perkara penting yang perlu ada sebagai Tok Dalang iaitu belajar cara-cara *Pelari Woyang*. Perkataan *Pelari Woyang* adalah satu istilah yang digunakan dalam dialek Kelantan yang memberi maksud menggerakkan patung wayang kulit di layar putih. Katanya lagi,

“Kalu nok belajar Woyang kena tahu kaedah Pelari Woyang, tapi sebelum tu keno la tahu pasal bunyi pekakas dulu sebab semua pergerakan akan ada kaitan dengan bunyi gong gendang masa bila nok wak masuk keluar woyang di kelir. Selain tu kena juga tahu Ucatan Dalang, berdailog, ubah suara dan nyanyi lagu-lagu hok dalam bahagian dalang muda. Pendek kata semua sudah ada secara lengkap dibahagian Dalang Muda sebagai latihan asas ke arah membawa cerita yang lebih panjang di bahagian Dalang Tua nanti” (Temubual: Hussin Yusoff, 2013).

Setelah dianalisis maksud Pok Seng tentang Pelari Woyang, penulis mendapati bahawa kaedah ini mempunyai beberapa ciri bagi melengkapkan kemahiran menyeluruh sebagai seorang Tok Dalang yang bertugas sebagai penggerak utama bermain patung yang merangkumi lima ciri iaitu pergerakkan wayang di kelir, ucatan dalang, kemahiran berdialog, perubahan suara dan nyanyian.

Ciri pertama iaitu pergerakkan wayang di kelir merangkumi kaedah bagaimana memanipulasi patung atau watak-watak yang diperbuat daripada kulit ataupun belulang binatang dalam bentuk satu dimensi menggunakan bantuan cahaya lampu sama ada daripada bahan api pelita minyak tanah, lampu gasoline dan lampu neon yang pelbagai bentuk dan kekuatan kuasa watnya. Kemahiran menggerakkan watak ini perlu dilatih agar mendapat ketepatan dalam menghasilkan bayang-bayangan di layar putih ataupun dipanggil Kelir dan mewujudkan satu corak permainan bayang yang jelas dan menarik minat penonton di hadapan Kelir tanpa mendedahkan bayang tangan pemain wayang ataupun Tok Dalang.

Ciri kedua iaitu berkebolehan membuat Ucatan Dalang yang merujuk kepada bahasa pengucapan yang dituturkan oleh Tok Dalang wayang kulit yang juga boleh dipanggil sebagai Narator. Ucatan Dalang ini adalah sejenis bahasa yang diucapkan selain daripada dialog dan ia juga berfungsi sebagai salah satu cara memberitahu penonton tentang penerangan situasi dan juga memberitahu kepada pemuzik apakah lagu-lagu yang akan dimainkan nanti merujuk kepada watak-watak dan pergerakan watak dalam sesuatu cerita yang akan dilakukan oleh Tok Dalang.

Ciri ketiga iaitu kemahiran berdailog ataupun teknik lakonan monolog yang melibatkan beberapa watak bercakap diantara satu sama lain dan hanya dilakukan oleh seorang sahaja iaitu Tok Dalang. Kemahiran ini juga memerlukan idea-idea yang spontan bagi memastikan perjalanan cerita menjadi lebih menarik dan mempunyai pelbagai unsur-unsur penting yang dikaitkan dengan kehidupan masyarakat seperti lawak, pergaduhan, sedih, formal dan tidak formal.

Ciri keempat iaitu menguasai kemahiran perubahan suara yang mana ia adalah penting dalam memastikan setiap watak yang dimainkan bersesuaian dengan karakter watak tersebut dan mempunyai perbezaan diantara satu sama lain. Sebagai contoh, watak Maharisi Mata Api adalah watak orang tua dan berilmu tinggi mempunyai suara yang bersesuaian dengan rupanya iaitu mempunyai tempo yang perlahan dan nada suara yang rendah. Berbeza dengan suara watak Hanuman iaitu watak hulubalang yang gagah dan mempunyai saiz badan yang besar. Oleh itu, suara Hanuman perlu lebih kuat, garang dan seharusnya ditutur dengan suara yang bernada tinggi, kuat dan tempo yang laju berbanding dengan watak Maharisi.

Ciri kelima merupakan nyanyian. Nyanyian dalam Wayang Kulit Kelantan adalah berbeza dengan genre muzik yang lain. Hal ini kerana bentuk nyanyiannya tidak terikat dengan mana-mana nada latar seperti kod (*chord*). Tetapi nyanyian ini lebih bersifat sebagai pemula bagi sesebuah lagu yang dikategorikan sebagai lagu halus yang dinyanyikan oleh watak halus seperti watak Raja Serirama, Siti Dewi dan Laksamana serta keturunannya. Sebagai contoh, Tok Dalang menyanyikan melodi yang mudah bagi memulakan lagu yang dinamakan lagu berjalan Seri Rama dengan perkataan “*Belan-belan berjalan belan-belan berfikir, fikir dalam hati gamok dalam dada,*

kaki berjakoh tangan menimba, mata melilau la ooo....” Dan kemudiannya diambil oleh melodi serunai sehingga tamat lagu.

Selain itu, terdapat juga lagu nyanyian lain yang sedikit susah seperti Lagu Seri Rama Keluar, Lagu Menyanyi Menyembah Raja dan Lagu Berkabar. Lagu-lagu ini memerlukan kefahaman yang amat jelas tentang muzik pengiringnya iaitu nada serunai dan format putaran gendang dang gong agar penyanyi atau Tok Dalang tidak dikatakan Pekak Nada dan Lentang Gendang iaitu tempo yang tidak tepat (Temu bual: Hussin Yusoff, 2013). Oleh sebab itulah Pok Seng amat menitikberatkan tentang pembelajaran bermain peralatan muzik terlebih dahulu atau bertugas sebagai panjak sebelum menjadi Tok Dalang. Bagi Pok Seng kemahiran menyanyi adalah amat penting sebagai salah satu syarat menjadi Tok Dalang yang berkemahiran tinggi.

Pok Seng mempunyai gaya dan variasi permainan muzik yang tersendiri. Keadaan ini berlaku apabila beliau berkebolehan bermain kesemua peralatan muzik dalam ensemble wayang kulit. Beliau akan membuat penambahbaikan terhadap variasi lagu yang dirasakan perlu ditambah atau dikenalkan dengan variasi yang sudah sedia ada yang pernah dipelajari dengan tokoh terdahulu.

Penambahbaikan dari segi improvisasi melodi pada serunai dan bunga lagu bagi alat tabuhan bertujuan memberi kesesuaian dengan rasa Pok Seng sendiri. Penetapan asas talaan dan nada bunyi pada setiap alat muzik yang dibuatnya membolehkan Pok Seng mengawal setiap rentak muzik yang dikehendakinya dan menjadikan asas tabuhan dan melodi yang dihasilkan lebih baik. Dengan penambahbaikan ini Pok Seng telah memberi rasa kepada pendengar dengan kepelbagaiannya gaya yang ada pada setiap pemuzik dan dalang wayang kulit mengikut gaya Pok Seng.

TOK DALANG HUSSIN YUSOFF DAN DUNIA PERDALANGAN WAYANG KULIT

Hussin bin Yusoff atau nama panggilannya Pok Seng ataupun juga Hussin Gelang Mas terkenal di Kampung Banggol Gelang Mas kerana ketokohnya dalam bidang permainan tradisional seperti Wayang Kulit Kelantan, Main Teri, Makyung, Dikir Barat dan Silat Jawi. Selain sebagai Tok Dalang, Tok Peteri dan Tok Minduk beliau juga berkebolehan dalam pembuatan alat muzik tradisional Melayu Kelantan seperti gendang, gedombak, gong, canang, kesi, rebana dikir barat, serunai dan rebab makyung.

Pok Seng adalah anak sulung daripada dua orang adik-beradik. Adiknya bernama Hamzah Yusoff atau dipanggil Pok Jah yang juga merupakan seorang penggiat seni yang juga mempunyai kepakaran sebagai pemuzik profesional dalam bidang seni muzik tradisional Kelantan dan pembuatan alat muzik tradisional negeri Kelantan. Pok Seng dan adiknya bermula sebagai pemuzik kepada ramai tokoh seni tradisi pada era 60an. Mula meminati kesenian Kelantan sejak berusia lebih kurang 10 tahun. Ditemani oleh adiknya Pok Jah Gelang Mas, beliau mula mempelajari alat muzik dalam pelbagai ensemble sehingga mereka dapat menguasai hampir semua ensemble muzik seperti Wayang Kulit Kelantan, Main Teri, Silat Jawi, Dikir Barat dan Manora.

Beberapa orang dalam kalangan penduduk yang berminat untuk mempelajari dan mengikuti kumpulan Wayang Kulit Kelantan diantaranya ialah Hussin bin Yusoff atau nama panggilan Pok Seng yang akan digunakan sepanjang penulisan ini. Bermulanya sebagai pemain muzik, beliau banyak mengiringi persembahan Wayang Kulit Kumpulan Seri Setia di bawah pimpinan Hamzah Awang Amat Kampung Gerong, Palekbang. Lama kelamaan kegiatan tersebut telah menimbulkan minat Pok Seng terhadap pedalangan Wayang Kulit Kelantan. Beliau telah diterima oleh Hamzah Awang Amat sebagai Dalang Muda dalam kumpulan Seri Setia Kampung Gerong (Temu bual: Hussin bin Yusoff, 2013).

Bermula daripada peristiwa itu, Pok Seng begitu bersemangat untuk menguasai segala aspek dalam permainan Wayang Kulit Kelantan dan beliau sering mengadakan persembahan wayang kulit di seluruh negeri Kelantan terutamanya semasa hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan dan turut dijemput mengadakan persembahan di majlis-majlis rasmi

kerajaan negeri. Selain itu juga Pok Seng mendapat jemputan mengadakan permainan Wayang Kulit Kelantan di Panggung Negara Komplek Budaya Negara. Beliau juga aktif dalam permainan Gendang Silat Kelantan, Makyung, Main Peteri dan Rebana Ubi sehingga kini (Temu bual: Hussin bin Yusoff, 2013).

Pok Seng sanggup berkorban tenaga, masa dan wang ringgit untuk menyediakan dan membina tapak panggung khusus untuk mempelajari permainan Wayang Kulit Kelantan. Selain menyediakan panggung, beliau juga menyediakan satu ruang yang khusus untuk aktiviti kesenian berkenaan seperti bengkel pembuatan alat-alat muzik Wayang Kulit Kelantan bersebelahan rumahnya. Kesanggupan ini menunjukkan betapa minatnya beliau terhadap permainan Wayang Kulit Kelantan. Beliau juga sanggup mengajar tanpa mengenakan sebarang bayaran kepada sesiapa yang berminat dalam permainan tradisional itu.

Pok Seng sudah menanam minat mendalam apabila melihat ketokohan beberapa orang Tok Dalang yang tersohor pada waktu itu. Salah seorang Tok Dalang yang diperkatakan oleh Pok Seng iaitu Hamzah Awang Amat yang juga merupakan seorang Tok Dalang yang serba boleh dalam bermain dan juga membuat alat muzik sendiri. Pak Hamzah Awang Amat telah memberinya inspirasi dalam mengejar cita-citanya sebagai seorang Tok Dalang bermula sebagai bermain muzik dan seterusnya mempelajari cara-cara membuat alat muzik mengikut cita rasa gurunya dan akhirnya menjadi seorang Tok Dalang yang hebat atau dipanggil Tok Dalang berkemahiran tinggi. Bagi mencapai tahap ini beliau perlu menguasai keseluruhan ilmu yang perlu ada bagi memastikan pembelajarannya secara holistik termasuk ilmu kehidupan di dunia dan di akhirat.

Oleh yang demikian, Pok Seng mula mengorak langkah bagi mencapai tahap sebagai seorang Tok Dalang berkemahiran tinggi yang mempunyai ilmu pedalangan secara menyeluruh dalam bidang persembahan Wayang Kulit Kelantan. Menurut Pok Seng lagi, terdapat beberapa syarat bagi beliau mencapai tahap kemahiran yang beliau inginkan sebagai seorang Tok Dalang yang berkemahiran tinggi.

Syarat yang pertama untuk mencapai tahap tersebut ialah perlu berpengetahuan tentang ilmu pertukangan seperti membaikpulih dan membuat kesemua peralatan muzik sendiri agar alat muzik yang dibuat dapat diperhalusi dan dipastikan tahap kualiti bunyinya mencapai piawaian yang baik. Syarat yang kedua pula ialah mempunyai kemahiran dalam bermain kesemua alat muzik dalam ensemble dan tahu semua lagu-lagu yang penting bagi mengiringi penceritaan serta “Q” atau arahan Tok Dalang dalam sesebuah persembahan. Syarat ketiga ialah menguasai kaedah *Pelari Woyang* atau *Kaedah Pewayangan* iaitu cara-cara mengerakkan patung di kain putih yang diregangkan yang dinamakan dinamakan Kelir dengan mengabungkan elemen nyanyian, ucatan dalang, kemahiran dalam perubahan suara dan kemahiran berdialog mengikut kesesuaian watak.

Kemahiran yang keempat iaitu kemahiran bercerita dan improvisasi dalam mengolah sesebuah cerita sama ada berdasarkan cerita tradisi lama seperti cerita epik, cerita saduran, cerita hikayat dan cerita-cerita baru. Kelima, mempunyai ilmu pengurusan dalam mengurus ahli kumpulan dan memastikan pemilihan serta peringkat kemahiran ahli mempunyai tahap yang tinggi dalam permainan alat muzik yang dikhususkan. Keenam, boleh menguasai ilmu dalam seni persembahan tradisional yang lain seperti Main Teri, Manora, Silat Jawi dan Dikir Barat. Kemahiran yang menyeluruh ini sangat penting bagi seseorang Tok Dalang dalam memastikan Gaya Wayang Kulitnya berbeza dan akhirnya membolehkan seseorang Tok Dalang itu mempunyai ilmu dalam sara diri sebagai Tok Dalang Wayang Kulit sepenuh masa dan mengurangkan kebergantungan kepada orang lain.

Pok Seng mula mempelajari asas pedalangan dengan Tok Dalang Hamzah Awang Amat dan beberapa dalang lain seperti Sulaiman Padang Tembesu. Selepas kematian Tok Dalang Hamzah Awang Amat, Pok Seng membuat pelimau guru dengan Tok Dalang Sulaiman Padang Tembesu. Upacara ini wajib dilakukan bagi menyatakan bahawa beliau sudah tamat belajar secara sistem berguru dan sudah boleh membuat persembahan ataupun sudah boleh bermain Wayang Kulit sebagai Tok Dalang (Temu bual: Hussin bin Yusoff, 2013).

Beliau juga mempelajari kaedah-kaedah pembuatan watak wayang bagi membolehkan Pok Seng membaiki dan membuat sesuatu watak baru sama ada watak wayang tradisional Kelantan ataupun watak moden.

HASIL PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Kajian tokoh ini telah memberi satu penemuan baru dalam bidang Perdalangan Wayang Kulit Kelantan yang membolehkan penulis memahami secara lebih jelas tentang kaedah atau cara yang mudah bagi memahami perkaitan diantara pergerakan watak wayang ataupun patung dengan muzik yang dimainkan oleh pemuzik. Selain itu, terdapat juga peringkat ilmu yang harus dilalui dan dipelajari agar penguasaan ilmu secara menyeluruh atau secara holistik. Penemuan ini akhirnya boleh memudahkan sistem pembelajaran ilmu perdalangan bagi pelajar yang ingin menjadi dalang Wayang Kulit Kelantan seterusnya sebagai panduan ke arah matlamat sebagai Tok Dalang yang berkemahiran tinggi.

Penemuan ini boleh dibahagikan kepada beberapa elemen iaitu pertama elemen paluan muzik dan sistem talaan, kedua kaedah pewayangan dan perkaitan dengan paluan muzik dan ketiga, perkara-perkara yang penting perlu ada sebagai seorang Tok Dalang Wayang Kulit Kelantan yang mempunyai kemahiran tahap tinggi.

Paluan Muzik Gaya Pok Seng

Penulis berjaya menulis semula asas notasi paluan muzik Gaya Pok Seng yang dimainkan oleh beliau dan diajarkan kepada para pelajarnya di institusi pengajian tinggi dan juga kepada anak-anak serta kumpulan muziknya. Walaubagaimanapun penambahan variasi sentiasa dimainkan mengikut kesesuaian dan rasa pemain bergantung kepada perjalanan cerita yang dibawa oleh Tok Dalang Pok Seng. Beliau juga menekankan bahawa pembelajaran muzik adalah sangat penting dalam memastikan bakal dalang akan dapat memahami perkaitan dan ‘Q’ lagu dengan keluar masuk watak di kelir.

Kaedah Pewayangan dan Perkaitan dengan Paluan Muzik

Penemuan satu kaedah yang mudah dalam mempelajari teknik pewayangan ataupun cara-cara Pelari Woyang yang lebih mudah bagi para pelajar yang masih dalam tahap permulaan. Selain itu, melalui jadual yang ditulis oleh pengkaji pelajar dapat memahami peranan dan perkaitan lagu-lagu yang dimainkan bagi mengiringi Tok Dalang mengerakkan watak wayang terutama pada bahagian Dalang Muda.

Walaubagaimanapun untuk memahirkan diri dalam kaedah pewayangan, Pok Seng memberitahu bahawa pembelajaran satu alat muzik dan mahir dalam memainkan alat muzik seperti gedombak atau gong membolehkan pelajar lebih mudah mempelajari kaedah pewayangan.

Ciri-Ciri Tok Dalang Berkemahiran Tinggi

Berikut adalah sembilan perkara yang telah dikenalpasti bagi membolehkan seseorang Dalang mencapai tahap kemahiran yang tinggi dan seterusnya boleh dipanggil sebagai Tok Dalang berkemahiran tinggi.

Pertama, berkemahiran membaiki dan membuat wayang serta seterusnya mengenal watak dan perwatakan setiap Wayang mengikut penceritaan yang dimainkan. Kedua, berkemahiran membuat semua alat muzik dalam ensemble Wayang Kulit Kelantan seperti gendang, geduk, gedombak, canang, kesi, gong dan serunai. Ketiga, berkemahiran bermain semua alat muzik yang dibuatnya bagi memastikan kualiti alat tersebut boleh dimainkan dan tepat pada skala dan nada

yang sesuai dalam persembahan serta mengikut nada suara yang dikehendaki oleh dalang tersebut. Keempat, berkemahiran dalam aspek seni suara yang mana Tok Dalang mampu membawa watak dan perwatakan yang berbeza pada sesuatu masa serta boleh membezakan suara watak mengikut watak dan perwatakan di samping mengalunkan lagu-lagu dengan irama yang merdu. Kelima, mengetahui cerita-cerita sama ada cerita tradisi ataupun cerita baru yang dicipta sendiri ataupun cerita yang sudah sedia ada. Keenam, mengetahui tentang ilmu kemanusiaan dan ketuhanan bagi membolehkan pengolahan cerita ke arah berunsur nasihat kemasyarakatan dan diselitkan dengan unsur dakwah. Ketujuh, berupaya menjadi seorang Bomoh bagi memastikan kawasan pemuzik di dalam bangsal dan penonton agar tiada gangguan oleh makhluk halus dan juga kejahatan manusia. Kelapan, sebagai ketua kumpulan dan seterusnya mempunyai kemahiran kepimpinan bagi memimpin kumpulan. Kesembilan, berkemahiran dalam bidang masakan yang bermaksud pandai memasak dan mempunyai ilmu ikhtiar hidup. Ini kerana pada zaman dahulu kumpulan wayang kulit membuat persembahan secara berkampung di luar jajahan dan perlu berkampung di panggung atau pentas selama hampir berbulan bulan. Oleh sebab itu, maka pentingnya kemahiran tersebut bagi memastikan panjak-panjak atau ahli muziknya tidak kelaparan dan tidak dinafikan juga terdapat ahli muzik lain yang mempunyai kemahiran ini.

Sekiranya seseorang bakal dalang itu memenuhi kesemua perkara di atas, maka dalang tersebut akan dapat menjadikan kerjayanya lebih serius dan akan dapat bertahan lama serta beroleh kejayaan. Pok Seng adalah salah seorang tokoh dalang yang boleh dijadikan contoh yang masih lagi aktif sebagai tokoh hidup yang memperjuangkan seni tradisional Melayu dan bekerja sepenuh masa mencari rezeki dalam bidang seni tradisional sama ada sebagai s wayang kulit, tukang buat alat muzik, pengajar muzik dan pemuzik profesional.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Pok Seng mempunyai keistimewaan tersendiri seperti yang telah dibincangkan dalam penulisan ini. Keistimewaan ini membolehkan beliau dikenali sebagai seorang penggiat seni yang berkemahiran tinggi dalam bidang Wayang Kulit Kelantan. Kemahiran tinggi ini merujuk kepada kepelbagaian bidang yang dikuasai beliau sehingga beliau boleh bertahan sebagai seorang penggiat seni wayang kulit sehingga sekarang. Menurut Pok Seng sudah tidak ramai Tok Dalang yang masih mengekalkan tradisi permainan wayang kulit terutama bahagian secara penuh seperti yang dimainkan oleh beliau. Hal ini mungkin disebabkan pelbagai kekangan tertentu namun baginya kekangan itu akan cuba ditepis agar pewarisan budaya yang dimilikinya tidak akan pupus. Oleh yang demikian, menjadi satu kewajipan kepada Pok Seng memperturunkan ilmu kemahiran yang menjadi keistimewaan kepada generasi muda terutama dalam kalangan anak-anaknya sendiri dan saudara mara serta masyarakat kampung beliau sendiri.

Secara rumusannya, penulisan ini memperlihatkan ketokohan yang dipilih merupakan seorang tokoh seni yang istimewa dan amatlah wajar dijadikan sebagai kajian bagi mencapai objektif mengenalpasti tokoh yang berpotensi menjadi warisan kebudayaan tidak ketara yang bernilai, mengenalpasti gaya pedalangan tokoh dan seterusnya menghasilkan dokumentasi terhadap tokoh hidup dalam bidang Wayang Kulit Kelantan.

RUJUKAN

- Arena Wati. 2006. Sikap dalam Penulisan Memoir? Diperlukan Kejujuran dari Hati Nurani. Dlm. *Penerbitan Biografi di Malaysia..* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, hlm. 45-66.
- Ghulam-Sarwar Yousof. 1997. *Angin Wayang:A Biography of a Master Puppeteer.* Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenianan dan Pelancongan Malaysia.

- Ghulam-Sarwar Yousof. 1997. *The Malay Shadow Play: An Introduction*. Penang: The Asian Centre.
- Ghulam-Sarwar Yousof. 2004. *Encyclopedia of Malaysia. Vol 8, Performing Arts*. Editor: Ghulam-Sarwar Yousof. Singapore: Archipelago Press. Editions Didier Millet.
- Ismail Din. 1980. *Muzik dan Bahan-bahan yang Melahirkan Bunyi, Gendang Gendut*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Kees Bertens. 1975. *Ringkasan Sejarah Filsafat*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Matusky, Patricia & Hamzah Awang Amat. 1998. *Muzik Wayang Kulit Kelantan*. Penang: The Asian Centre.
- Matusky, Patricia & Tan Song Beng. 1997. *The Music of Malaysia: The Classical, Folk and Syncretic Traditions*. Hampshire, England: Ashgate Publishing Limited.
- Matusky, Patricia. 1997 (Reprint). *Malaysian Shadow Play and Music: Continuity of an Oral Tradition*. Penang: The Asian Centre, Pulau Pinang.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2013. Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara, *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2), 64-77.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2015. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian dari Aspek Perundangan dan Penguatkuasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 202-223.
- Mohd. Ghous Nasuruddin. 1989. *Muzik Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ghous Nasuruddin. 2005. *Syed Alwi: Seniman Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia).
- Mohd. Yuszaidy Mohd. Yusoff, Hanapi Dollah & Ab. Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu*, 8,173-188.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 2007. *Jins Shamsudin: Kembara Seorang Seniman*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Noraza Hj. Abdul Aziz. 2004. *Biografi Primadona Bangsawan: Aminah Nani*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Paridah Abd. Samad. 1998. *Tun Abdul Razak: Fenomena Politik Malaysia: Biografi Politik*. Kuala Lumpur: Partisan Publication & Distribution. RA Fine Arts.
- Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Zainon Ismail. 2008. *Angin Si Pauh Janggi: Kenangan Makyong Khatijah Awang*. Kuala Lumpur: RA Fine Art.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2008. *Sanggar Budaya: Biografi Mohamed Bahroodin Ahmad*. Pulau Pinang: Persatuan Karyawan Pulau Pinang.
- Sunarto. 1989. *Wayang Kulit Purwa Gaya Yogyakarta: Sebuah Tinjauan Tentang Bentuk Ukiran Sunggigam*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Sweeney, P. L. Amin. 1972. *The Ramayana and the Malay Shadow-Play*. Kuala Lumpur: National University of Malaysia Press.
- Sweeney, P. L. Amin. 1972. *The Shadow-Play of Kelantan: Report on a Period of Field Research*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Tan Sooi Beng. 1984. *Asas-asas Muzik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia (USM).
- Wan Kadir Wan Yusoff. 1988. *Budaya Popular dalam Masyarakat Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Jaslan. 2003. *Tokoh Seniman Negara: Hamzah Awang Amat, Siri Tokoh Anugerah Seni Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

- Zainal Jaslan. 2003. *Tokoh Seniman Negara: Khatijah Awang*, Siri Tokoh Anugerah Seni Negara. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Zainal Jaslan. 2003. *Tokoh Seniman Negara: Syed Ahmad Jamal*, Siri Tokoh Anugerah eni Negara. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Zainal Jaslan. 2003. *Tokoh Seniman Negara: Syed Alwi Syed Hassan*, Siri Tokoh Anugerah Seni Negara. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Zainal Jaslan. 2003. *Tokoh Seniman Negara: Wan Su Othman*, Siri Tokoh Anugerah Seni Negara. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Temu bual

Nama: Abdullah bin Mat Ali

Umur: 76 Tahun

Tarikh Temu bual: 23 Mei 2015

Tempat: Kg. Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan.

Nama: Anuar bin Ismail

Umur: 44 tahun

Tarikh Temu bual: 28 Disember 2013

Tempat: Kg. Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan

Nama: Awang bin Mat Ali

Umur: 66 Tahun

Tarikh temu bual: 10 Mei 2013 dan 23 Julai 2015

Tempat: Sanggar Budaya Geng Wak Long, Kampung Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan

Nama: Che Mustapha Bin Ali

Umur: 82 Tahun

Tarikh Temu bual: 23 Mei 2015

Tempat: Kg. Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan.

Nama: Che Mohd Nasir bin Yusoff

Umur: 59 tahun

Tarikh Temu bual: 27 Disember 2013

Tempat: Kg. Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan.

Nama: Daud bin Ibrahim

Umur: 79 Tahun

Tarikh Temu bual: 23 Mei 2015

Tempat: Kg. Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan.

Nama: Hamzah bin Yusoff

Umur: 63 tahun (Adik kepada Hussin bin Yusoff)

Tarikh Temu bual: 10 Mei 2013, 28 Disember 2013 dan 23 Mei 2015

Tempat: Kg. Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan.

Nama: Jawiah binti Daud

Umur: 61 Tahun

Tarikh Temu bual: 23 Mei 2015
Tempat: Kg. Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan.

Nama: Kamarul Baisah bin Hussin
Umur: 32 Tahun
Tarikh Temu bual: 10 Jun 2015
Tempat: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

Nama: Mohd Shafic Aminuddin bin Hussin
Umur: 27 Tahun
Tarikh Temu bual: 10 Jun 2015
Tempat: Taman Sri Sentosa, Jalan Klang lama Kuala Lumpur.

Nama: Siti Minah binti Awang
Umur: 61 tahun (Isteri kepada Hussin bin Yusoff)
Tarikh Temu bual: 10 Mei 2013
Tempat: Kg. Banggol Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan.

Biodata Penulis:

Mohd. Kamrulbahri bin Hussin (S. Sa), Pensyarah Kanan (Muzik Tradisional) di Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA (UiTM), UiTM Shah Alam, Selangor. Bidang kajian beliau adalah alat muzik tradisional dan seni persembahan tradisional kontemporari, pengurusan seni persembahan, etnomuzikologi dan warisan Melayu.

Mohd. Yuszaidy Mohd. Yusoff (Ph.D), Pensyarah Kanan di Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah sosiobudaya dan warisan budaya Melayu.